UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

# *NILAI DAN PENGAMALAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT SABAH DI MALAYSIA*

**MOHD RAHIMI BIN RAMLI**

**FEM 2018 47**

# NILAI DAN PENGAMALAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT SABAH DI MALAYSIA

**Oleh**

**MOHD RAHIMI BIN RAMLI**

**Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2018**

© COPYRIGHT UPM

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**NILAI DAN PENGAMALAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT SABAH DI MALAYSIA**

Oleh

**MOHD RAHIMI RAMLI**

**Julai 2018**

**Pengerusi : Ahmad Tarmizi Talib, PhD**
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Cabaran utama negara dalam membina negara-bangsa menjelang 2020 adalah membina bangsa yang patriotik namun berdasarkan pelbagai kejadian semasa yang memperlihatkan tingkah laku sebahagian masyarakat di Sabah menjadi persoalan. Kajian ini adalah untuk meneliti nilai dan pengamalan patriotisme dalam kalangan masyarakat Sabah. Oleh itu, kajian ini mengenal pasti kefahaman, persepsi, kesedaran dan pengamalan nilai patriotisme masyarakat di Sabah; menentukan perbezaan antara pengamalan nilai patriotisme mengikut latar belakang responden; menentukan perkaitan kefahaman, persepsi dan kesedaran patriotisme terhadap pengamalan nilai patriotisme; dan menentukan jangkaan pengaruh antara kefahaman, persepsi dan kesedaran patriotisme masyarakat terhadap pengamalan nilai patriotisme. Patriotisme dalam kajian ini berasaskan kepada enam nilai, iaitu kesetiaan, pengorbanan, kebanggaan, kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif. Bagi skala pengukuran domain persepsi dan kesedaran adalah berdasarkan 5 skala likert dan domain pengamalan menggunakan 5 skala frekuensi. Manakala domain kefahaman menggunakan 2 skala pengukuran, iaitu ‘Ya’ dan ‘Tidak’. Skor dapatan bagi domain kefahaman, kesedaran dan pengamalan dibahagikan pada tiga tahap, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Manakala skor domain persepsi dibahagikan kepada dua katogori, iaitu positif dan negatif. Kajian ini melibatkan 500 responden yang terdiri daripada etnik Kadazan Dusun, Bajau dan Murut. Pendekatan kajian ini adalah kuantitatif dan kaedah persampelan menggunakan *Probability Proportional to Saiz* (PPS). Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan di daerah-daerah terpilih di negeri Sabah. Dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Analisis secara deskriptif digunakan untuk mengenal pasti jumlah dan peratusan skor setiap domain utama. Manakala analisis secara inferensi digunakan untuk ujian ANOVA bagi menentukan perbezaan nilai patriotisme mengikut latar belakang terpilih serta analisis korelasi dan regresi digunakan untuk menentukan perkaitan dan pengaruh bagi hubungan antara kefahaman, persepsi dan kesedaran nilai patriotisme terhadap pengamalan nilai patriotisme responden. Hasil kajian ini, mendapati kefahaman, persepsi, kesedaran dan pengamalan responden terhadap nilai patriotisme berada pada tahap tinggi dan terdapat perkaitan dan hubungan yang



© COPYRIGHT UPM

signifikan antara kefahaman, persepsi dan kesedaran terhadap pengamalan serta domain persepsi yang paling mempengaruhi pengamalan dan dikuti domain kesedaran dan kefahaman. Dengan ini, tingkah laku patriotik seseorang individu dipengaruhi oleh dimensi orientasi terhadap nilai patriotisme.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**VALUE AND PRACTICE OF PATRIOTISM AMONG THE PEOPLE OF SABAH IN MALAYSIA**

By

**MOHD RAHIMI RAMLI**

**July 2018**

**Pengerusi : Ahmad Tarmizi Talib, PhD**
**Fakulti : Ekologi Manusia**

The country's main challenge in building a nation-state by 2020 is to build a patriotic nation but based on current situations that show the behaviour of some community in Sabah are contrary to the values of patriotism. This study is intended to examine the value and practice of patriotism among the people of Sabah. Therefore, this study aims to identify the understanding, perception, awareness and practice of patriotism values among the people of Sabah; determine the difference between the practice of patriotism values according to respondent's backgrounds; determine the relations understanding, perception and patriotism awareness on the practice of patriotism; and determine the expected influence between the understanding, perception and the awareness of the patriotism of society towards the practice of patriotism values. Patriotism in this study referred to six values, including loyalty, sacrifice, pride, sense of belonging, discipline, endeavour, and productive based on the principles of Malaysia nationhood. For the measurement scale of perception and awareness domains, 5 likert scale is used. As for the domain of practice 5 frequency scale is employed. The domain of understanding used 2 measurement scales of 'Yes' and 'No'. The finding scores for the domain of understanding, awareness and practice were divided into three levels, namely high, medium and low. While the domain of perception score was divided into two categories, namely positive and negative. The study involved 500 respondents consiting of Kadazan-Dusun, Bajau, and Murut ethnic groups. The study applied quantitative approach. The data was collected through survey using questionnaires meanwhile, the selection of respondents was based on proportionate sampling technique. The data from this study were analysed using descriptive and inferential statistics. Descriptive analysis was used to identify the number and percentage of each major domain score. The inferential analysis used was anova test to determine the differences in patriotism values according to the selected backgrounds while the correlation and regression analysis were applied to determine the relationship and influence between respondents' understanding, perception and awareness of patriotism values towards the practice. The findings show that the understanding, perception, awareness and the practice of respondents towards patriotism values are at high levels and there is a significant relatonship and influence between understanding, perceptions



© COPYRIGHT UPM

and awareness towards practice and the domain of perceptions that most influence the practice and followed by the domains of awareness and understanding. Thus, the patriotic behavior of an individual is influenced by the dimension of orientation towards the value of patriotism.

© COPYRIGHT UPM

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, dapat saya menyiapkan tesis ini. Langkah saya ini juga dipermudahkan berkat doa daripada insan tercinta, iaitu Hajah Che Romlah Che Hasan (mak), Hj Ramli Hj Yusuf (ayah), Fatin Syazana Izuddin (isteri), anak sulung saya Asma' As-Syafaf serta En. Izuddin Idris dan Pn. Jamilah Othman (mertua). Tidak dilupakan juga kepada seluruh ahli keluarga saya dan keluarga mertua yang sentiasa mendoakan kejayaan ini.

Seterusnya perjalanan ini dipermudahkan dengan bimbingan Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib, Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh dan Dr. Mohd Mahadee Ismail yang sentiasa memberikan kritikan membina, dan memberi panduan yang jelas dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Terima kasih juga kepada Prof. Dr. Jayum Jawan dan Prof. Dr. Zaid Ahmad yang turut menyumbang ilmu kepada saya dalam menyiapkan kajian ini terutamanya semasa proses pembinaan instrumen kajian. Tidak terkecuali, semua guru saya sama ada semasa saya di Fakulti Ekologi atau sepanjang proses pendidikan saya yang telah turut membantu secara tidak langsung.

Setinggi- tinggi ucapan terima kasih ditujukan khas kepada pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kerana telah membiayai penyelidikan ini melalui kajian yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh. Pembiayaan ini amat bermakna bagi pengkaji dalam menyiapkan tesis ini.

Sekalung jutaan terima kasih kepada sahabat saya, Sdr Mazli, Sdr Razali, Dr. Puvaneswaran, Sdr Hadi, Sdr Zul, Sdr Taufik, Sdr Choo, Sdri Fang, Sdri Alia dan rakan-rakan lain yang turut sama membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi memberi kerjasama sepanjang proses pengumpulan data dijalankan. Semoga hasil penyelidikan ini memberi manfaat kepada semua pihak dalam memelihara dan menjamin keharmonian sosial dan perpaduan nasional.

© COPYRIGHT UPM

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 18 Julai 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Rahimi bin Ramli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Nilai Patriotisme dan Pengamalan Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Sabah, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Husniah Abdul Rahim @ Abdul Wahab, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Jayum Anak Jawan, PhD**
Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

**Adlina Ab. Halim, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

**Sivamurugan Pandian, PhD**
Profesor
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)

**RUSLI HJ ABDULLAH, PhD**
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**Mohd Mahadee Ismail, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

______________________________

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: ________________________ Tarikh: ___________

Nama dan No. Matrik: Mohd Rahimi Ramli (GS41638)

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _______________________________________
Nama Pengerusi
Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib

Tandatangan: ________________________________________
Nama Ahli
Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Sarjit Singh a/l Darshan Singh

Tandatangan: ________________________________________
Nama Ahli
Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Mohd Mahadee Ismail

© COPYRIGHT UPM

# JADUAL KANDUNGAN


| | Muka Surat |
|---|---|
| **ABSTRAK** | i |
| ***ABSTRACT*** | iii |
| **PENGHARGAAN** | v |
| **PENGESAHAN** | viii |
| **PERAKUAN** | ix |
| **SENARAI JADUAL** | xii |
| **SENARAI RAJAH** | xiii |
| **SENARAI SINGKATAN** | xiv |

**BAB**

**1 PENDAHULUAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1.1. | Latar Belakang Kajian | | 1 |
| 1.2. | Pernyataan Masalah | | 2 |
| 1.3. | Persoalan Kajian | | 5 |
| 1.4. | Objektif Kajian | | 6 |
| 1.5. | Kepentingan Kajian | | 6 |
| 1.7. | Skop Kajian | | 7 |
| 1.8. | Kerangka Teori | | 7 |
| 1.9. | Kerangka Konseptual | | 10 |
| 1.10. | Rumusan | | 13 |

**2 TINJAUAN LITERATUR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.1. | Pendahuluan | | 14 |
| 2.2. | Patriotisme | | 14 |
| | 2.2.1. | Definisi Patriotisme | 14 |
| | 2.2.2. | Nilai dan Bentuk Patriotisme | 19 |
| | 2.2.3. | Kajian-Kajian Patriotisme | 32 |
| 2.3. | Orientasi, Tingkah Laku dan Budaya Politik | | 45 |
| 2.4. | Latar Belakang Sabah dan Pembentukan Malaysia | | 50 |
| 2.5. | Pembentukan Negara-Bangsa Malaysia | | 54 |
| 2.6. | Rumusan | | 60 |

**3 METODOLOGI**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3.1. | Pendahuluan | | 61 |
| 3.2. | Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian | | 61 |
| 3.3. | Lokasi Kajian | | 61 |
| 3.4. | Persampelan | | 61 |
| 3.5. | Instrumen dan Pengukuran | | 65 |
| | 3.5.1. | Soal Selidik | 69 |
| | 3.5.2. | Analisis Kandungan | 69 |
| 3.6. | Kajian Rintis | | 70 |
| 3.7. | Proses Pengumpulan Data | | 70 |
| 3.8. | Penganalisaan Data | | 71 |
| 3.9. | Limitasi Kajian | | 72 |
| 3.10. | Rumusan | | 72 |




© COPYRIGHT UPM

**4 DAPATAN KAJIAN**
4.1. Profil Responden 73
4.1.1. Taburan Keseluruhan Demografi Responden 73
4.2. Kefahaman Terhadap Nilai Patriotisme 75
4.3. Persepsi Terhadap Nilai Patriotisme 85
4.4. Kesedaran Terhadap Nilai Patriotisme 92
4.5. Pengamalan Terhadap Nilai Patriotisme 100
4.6. Perbezaan Pengamalan Nilai Patriotisme Mengikut Latar Belakang 116
4.6.1. Perbezaan Pengamalan Mengikut Etnik 116
4.6.2. Perbezaan Pengamalan Mengikut Pendidikan 117
4.6.3. Perbezaan Pengamalan Mengikut Agama 118
4.7. Perkaitan Antara Kefahaman, Persepsi dan Kesedaran Terhadap Pengamalan 119
4.8. Pengaruh Antara Kefahaman, Persepsi, dan Kesedaran Terhadap Pengamalan 120

**5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**
5.1. Pengenalan 123
5.2. Rumusan 123
5.3. Implikasi Kajian 125
5.3.1. Implikasi Teoritikal 125
5.3.2. Implikasi Praktis 126
5.4. Saranan 127

**RUJUKAN** 132
**LAMPIRAN** 147
**BIODATA PELAJAR** 158

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL

**Jadual** **Muka Surat**


3.3 Bilangan Kluster dan Responden Terpilih Mengikut Daerah di Sabah 64
3.4 Rangka Pembinaan Instrumen (Ringkasan dari Sorotan Literatur) 66
3.5 Nilai Alpha Setiap Bahagian 70
4.1 Taburan Keseluruhan Demografi Responden 73
4.2 Skor Kefahaman Terhadap Nilai Patriotisme 75
4.3 Skor Kefahaman Mengikut Nilai Patriotisme 76
4.4 Analisis Setiap Penyataan Tentang Pemahaman Masyarakat Berasaskan Nilai Patriotisme 79
4.5 Tahap Kefahaman Etnik Kadazan Dusun Terhadap Nilai Patriotisme 81
4.6 Tahap Kefahaman Etnik Bajau Terhadap Nilai Patriotisme 83
4.7 Tahap Kefahaman Etnik Murut Terhadap Nilai Patriotisme 84
4.8 Skor Persepsi Terhadap Nilai Patriotisme 85
4.9 Skor Persepsi Mengikut Nilai Patriotisme 86
4.10 Analisis Setiap Penyataan Tentang Persepsi Masyarakat Berasaskan Nilai Patriotisme 88
4.11 Skor Persepsi Etnik Kadazan Dusun Terhadap Nilai Patriotisme 89
4.12 Skor Persepsi Etnik Bajau Terhadap Nilai Patriotisme 90
4.13 Skor Persepsi Etnik Murut Terhadap Nilai Patriotisme 91
4.14 Skor Kesedaran Terhadap Nilai Patriotisme 92
4.15 Tahap Kesedaran Mengikut Nilai Patriotisme 93
4.16 Analisis Setiap Penyataan Tentang Kesedaran Masyarakat Berasaskan Nilai Patriotisme 96
4.17 Tahap Kesedaran Etnik Kadazan Dusun Terhadap Nilai Patriotisme 98
4.18 Tahap Kesedaran Etnik Bajau Terhadap Nilai Patriotisme 99
4.19 Tahap Kesedaran Etnik Murut Terhadap Nilai Patriotisme 100
4.20 Skor Pengamalan Terhadap Nilai Patriotisme 101
4.21 Tahap Pengamalan Mengikut Nilai Patriotisme 101
4.22 Analisis Setiap Penyataan Tentang Pengamalan Masyarakat Berasaskan Nilai Patriotisme 103
4.23 Tahap Pengamalan Etnik Kadazan Dusun Terhadap Nilai Patriotisme 108
4.24 Tahap Pengamalan Etnik Bajau Terhadap Nilai Patriotisme 109
4.25 Tahap Pengamalan Etnik Murut Terhadap Nilai Patriotisme 110
4.26 Orientasi Terhadap Nilai Patriotisme Mengikut Etnik 115
4.27 Perbezaan Pengamalan Mengikut Etnik 116
4.28 Perbezaan Pengamalan Mengikut Pendidikan 117
4.29 Perbezaan Pengamalan Mengikut Agama 118
4.30 Korelasi Antara Kefahaman, Persepsi, Kesedaran Terhadap Tahap Pengamalan 119
4.31 Ujian Regresi ke Atas Kefahaman, Persepsi dan Kesedaran Terhadap Pengamalan 120


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH

**Rajah** **Muka Surat**


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Orientasi Politik | 9 |
| 1.2 | Kerangka Konseptual | 10 |
| 1.3 | Konsep Patriotisme | 12 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| PMR | Penilaian Menegah Rendah |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SPSS | Statistical Package For Social Science |
| UPSR | Ujian Penilaian Sekolah Rendah |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia |
| BTN | Biro Tatanegara |
| PLKN | Program Latihan Khidmat Negara |
| JASA | Jabatan Hal Ehwal Khas |
| JPNIN | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional |
| USNO | United Sabah National Organisation |
| PBS | Parti Bersatu Sabah |
| BERJAYA | Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah |

© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1. Latar Belakang Kajian

Kajian ini adalah mengenai patriotisme kalangan masyarakat Sabah dalam konteks Malaysia. Merujuk sarjana politik dan beberapa sarjana dalam pelbagai bidang, konsep patriotisme dirujuk sebagai cintakan tanah air (Huntington, 2008; Primoratz & Pavkovic, 2007; Keller, 2007; Berns, 1997) tidak pernah berubah dari segi maknanya, tetapi bentuk dan ciri patriotik diterjemahkan berbeza mengikut zaman dan tempat (Khoo, 2005) dan (Saifuddin, 2005) serta pandangan sarjana (Huntington, 2008). Oleh itu, manifestasi patriotisme mungkin berubah dan berbeza antara generasi lama dan generasi baru.

Kesan daripada kepelbagaian bentuk dan ciri yang dikatakan sebagai patriotik ini memperlihatkan patriotisme turut dipandang negatif kerana ianya tidak membina negara. Malah, sebahagian tindakan dan tingkah laku yang negatif turut dianggap sebagai patriotik bagi sesetengah pihak kerana tidak ada garis sempadan yang menghadkan sebarang tingkah laku tersebut (Druckman, 1994). Merujuk kepada patriotisme di Malaysia, tidak dapat dinafikan semangat patriotisme telah pun wujud sejak zaman lampau, namun semangat tersebut tidak dikenali sebagai patriotisme, tetapi dikenali sebagai suatu kepercayaan atau semangat etnosentrisme yang menjurus ke arah memupuk perasaan cinta kepada tanah air (Wan Hasni et al., 2013). Namun demikian, bentuk dan arah perasaan tersebut berubah kerana berlakunya perubahan dalam objek politik atau identiti negara. Dalam hal ini patriotisme di Malaysia tidak terkecuali kerana patriotisme di Malaysia merupakan patriotisme bersifat baharu kerana tumpuan kesetiaan rakyat pada ketika dahulu kepada raja bagi setiap negeri berbanding sekarang tumpuan kepada negara yang berdaulat (Mahathir, 2005). Tambahan pula, tumpuan generasi sebelum merdeka adalah untuk berjuang menentang musuh dan mempertahankan tanah air sebagai tanda patriotik berbanding dengan masyarakat sekarang yang tidak lagi perlu berjuang menentang musuh dalam peperangan. Di samping itu, Malaysia yang kini berhadapan dengan 75 peratus warganegaranya yang lahir selepas merdeka (Abd Rahman, 2009) tentu berbeza dari sudut tumpuan dan cara dalam menterjemahkan patriotisme. Perbezaan tumpuan dan cara menterjemahkam patriotisme ini berlaku kerana wujud kepelbagaian pentafsiran tentang ciri seorang patriot (Huntington, 2008). Malah dalam pentafsiran yang berbeza ini, terdapat juga golongan tertentu memberi pengertian bertentangan mengikut kepentingan tertentu (Ku Hasnita, 2014). Hasil penelitian pengkaji mengenai penyelidikan lalu telah mendapati pelbagai bentuk dan ciri baru mengenai patriotisme yang diterjemahkan melalui perasaan dan tingkah laku seperti mana kajian oleh Schatz & Staub (1997); Schatz, Staub, & Lavine (1999); Primoratz (2002); Primoratz & Pavkovic (2007) dan Huntington (2008).



© COPYRIGHT UPM

Dalam kajian ini, ciri patriotisme yang mengambil kira roh Perlembagaan dan Ideologi Rukun negara (Sivamurugan Pandian & Ronald Kiandee, 2016) yang kurang diberi perhatian oleh pengkaji sebelum ini diteliti dan diguna pakai dalam membentuk instrumen bagi merungkai patriotisme di Malaysia. Tindakan yang bercanggah dengan Perlembagaan dan Ideologi Rukun negara tidak dianggap sebagai ciri patriotik dalam kajian ini. Hal ini kerana Primoratz dan Pavkovic (2007) menjelaskan patriotisme ini boleh memberi kebaikan dan keburukan. Bagi seseorang patriot, berpegang kepada nilai patriotisme yang terlampau, ianya akan menghakis nilai kemanusiaan kerana terlalu memberi keutamaan terhadap tuntutan negara. Sebaliknya nilai patriotisme perlu berasaskan kepada tatanegara sesebuah negara dan berbeza antara negara (Primoratz & Pavkovic, 2007).

Selain itu, kajian ini turut mengambil kira unsur patriotisme yang berasaskan wilayah dan patriotisme berasaskan sistem politik. Patriotisme berasaskan wilayah ini mengaitkan dengan perasaan seseorang kepada wilayah atau kenegerian sahaja. Manakala patriotisme berasaskan sistem politik ialah rasa keterikatan yang melangkaui batas etnik dan kenegerian (Huntington, 2008). Dengan ini, aspek keutamaan wilayah juga diambil kira dalam patriotisme yang dikaji dalam kajian ini.

Sehubungan itu, patriotisme dalam kajian ini merujuk kepada tingkah laku yang diterjemahkan berasaskan budaya nilai kecintaan kepada tanah air dan berdasarkan prinsip kenegaraan. Bagi menjadikan ciri patriotisme ini tidak berbentuk negatif dan pasif, pengkaji menggunakan enam nilai, iaitu nilai kebanggaan, pengorbanan, kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif, dan kesetiaan yang menjadi teras kepada nilai kecintaan tersebut ( Abraham, 2008; Davis & Silver, 2004; Druckman, 1994; Muller, 2006; Jones, 1896; Munoz, 2009; Macedo 2011; Merry, 2009; Nathanson, 1989; Parker, 2009; Ortmann, 2009; Smith & Kim, 2006) untuk mengembangkan lagi ciri patriotisme sebagai satu bentuk manifestasikan perasaan cinta terhadap tanah air. Berasaskan enam nilai ini, ciri-ciri yang diterjemahkan dengan perasaan atau proses mental dan tingkah laku seseorang patriot akan ditentukan sebagai patriotisme di Malaysia dalam konteks kajian ini. Manakala segala tindakan yang negatif dan bertentangan dengan prinsip kenegaraan tidak diambil kira sebagai tindakan patriotik.

## 1.2. Pernyataan Masalah

Patriotisme sangat diperlukan sebagai pemangkin dalam usaha membina negara-bangsa Malaysia (Mohd Taib Osman, 2004). Hal ini kerana Mahathir Mohamad (2005), menegaskan usaha negara menangani cabaran dalam aspek ekonomi, politik dan sosial, adalah dengan pembinaan bangsa yang berteraskan patriotisme. Namun, manifestasi patriotisme ini bukanlah berteraskan membuta tuli tetapi patriotik dengan kesedaran dan kefahaman yang betul. Oleh sebab itu, agenda patriotime perlu menjadi keutamaan negara (Zaheruddin Othman dan Zawiyah, 2016). Selain itu, Abdul Rahman (2001) menyatakan bahawa patriotisme merupakan komponan penting dalam agenda membina bangsa dan tamadun Malaysia. Tanpa masyarakat yang patriotik, usaha pembinaan negara-bangsa menjadi sukar (Mustapha Ishak, 2005). Dalam hal ini, tanpa masyarakat yang patriotik, usaha Malaysia untuk membina bangsa mengikut acuan sendiri menjadi sukar dan memerlukan masa yang lebih lama untuk mencapai hasrat tersebut. Bagi



© COPYRIGHT UPM

Muhamad Ali (2009) pula, tanpa patriotisme negara akan musnah dan hancur bukannya kerana diserang musuh tetapi kemusnahan adalah disebabkan kegagalan rakyat untuk melaksanakan tanggungjawab mereka tehadap negara. Oleh itu, kajian ini akan mengupas dan mengenal pasti nilai patriotisme dalam masyarakat Malaysia terutamanya dalam kalangan etnik Kadazan Dusun, Bajau dan Murut di Sabah.

Terdapat beberapa kajian patriotisme di Malaysia yang telah dikaji terdahulu seperti Ku Hasnita (2007), Haminah Suhaibo (2007), Aziz Ujang et al., (2014); Mahat Jamal, (2015); Hamini et al., (2016) dan Jaiz et al., (2016). Namun, hasil kajian antara mereka berkontradiksi antara satu sama lain. Hal ini kerana Aziz Ujang et al., (2014), Indeks Patriotisme Negara (2014) dan Mahat Jamal (2015) mendapati majoriti responden kajiannya berada pada tahap rendah. Manakala Jaiz et al., (2016) pula mendapati responden kajiannya berada pada tahap yang sederhana sahaja. Di samping itu, dapatan kajian Rosin Pinggaton (2006) pula memperlihatkan reponden kajiannya adalah patriotik.

Sementara itu, terdapat beberapa isu di Sabah yang melibatkan tingkah laku segelintir masyarakat di Sabah seperti usaha membawa ‘Sabah keluar Malaysia’ (Nizam, 2016) dan Agus (2002) bertentangan dengan ciri patriotik kerana salah satu nilai patriotik ialah nilai kesetiaan. Hal ini kerana Huntington (2008), menegaskan seorang patriot perlu setia bukan sahaja kepada sesuatu wilayah tetapi perlu setia kepada seluruh sistem politik negara. Dengan tindakan membawa Sabah keluar Malaysia ini, adakah tindakan ini mencerminkan tindakan kesetiaan kepada sistem politik Malaysia? Oleh itu, tanpa kajian empirikal sudah tentu keadaan ini tidak dapat dijelaskan. Selain itu, faktor sentimen kenegerian turut dibangkitkan sebagai alasan awal yang menjurus kepada idea pemisahan (Nidzam et al., 2017; ms24). Tambahan pula, Mohamed Mustafa, (2014) menjelaskan semangat Kadazanisme yang menebal dalam diri masyarakat Kadazan Dusun akan membantut pemupukan nilai dan penerimaan objek politik Malaysia. Antara lain isu yang berbangkit adalah melalui kajian Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Ramli Dollah (2013) yang mendapati faktor kekeluargaan turut berperanan penting kerana terdapat segelintir masyarakat Sabah memberi ruang kerjasama kepada pihak musuh yang telah mengancam keselamatan negara atas dasar kekeluargaan. Dalam konteks ini, apabila seseorang individu lebih mengutamakan hubungan kekeluargaan sehingga mengancam keselamatan negara, keadaan ini boleh menggugat nilai patriotisme dalam masyarakat. Hal ini kerana aspek nilai kesetiaan dan pengorbanan tercabar dalam konteks ini kerana kesetiaan dan pengorbanan bermaksud seseorang tidak boleh mengutamakan keluarga sehingga membelakangi kepentingan negara (Huntington, 2008).

Nilai patriotik dalam kajian ini diukur melalui pengamalan sebagai tingkah laku kerana Rokesh (1973) sesuatu nilai diukur melalui sesuatu tindakan atau pengamalan sebagai tindak balas terhadap kepercayaan mereka kepada objek politik. Manakala Pye & Verba (1965) pula menegaskan patriotisme berasaskan nilai sukar untuk dibuktikan tanpa melihat kepada tingkah laku atau sesuatu pengamalan kerana sesuatu nilai perlu ditukar kepada tindakan sama ada melalui percakapan atau tingkah laku. Oleh itu, dalam membincangkan nilai patriotisme di Sabah ini, aspek pengamalan terhadap nilai patriotisme sebagai bentuk manifestasi akan dikaji kerana pengamalan merupakan praktis kepada nilai patriotisme yang terdapat dalam diri seseorang individu.



© COPYRIGHT UPM

Bagi Almond dan Verba (1989), pola tingkah laku atau pengamalan seseorang dipangaruhi oleh dua faktor utama, iaitu faktor dalaman dan luaran. Antara faktor luaran ialah faktor agen sosialisasi seperti keluarga, sekolah dan media. Manakala faktor dalaman pula melibatkan faktor dimensi orientasi dan latar belakang seseorang individu tersebut seperti agama dan etnik (Huntington & Nelson, 1986). Bagi Bunch (1971) dan Welch (2013) faktor orientasi penting sebagai penentu kepada tingkah laku kerana sesuatu nilai yang disalurkan oleh agen sosialisasi akan ditentukan dalam proses mental tersebut. Namun, persoalannya sejauh mana faktor orientasi ini mempengaruhi pola tingkah laku kerana sebahagaian besar kajian sebelum ini lebih memfokuskan kepada pengaruh agen sosialisasi berbanding pengaruh dimensi orientasi? Hal ini kerana Rush dan Althoff (1971) dan Kavanagh (1987), telah menegaskan bahawa agen sosialisasi seperti agen ibu bapa, guru, rakan sebaya dan media menjadi penyumbang kepada proses sosialisasi. Namun begitu, nilai, sentimen dan kepercayaan yang disalurkan oleh setiap agen sosialisasi akan melalui proses orientasi dalam individu yang disosialisasikan tersebut sebelum mereka menentukan sama ada nilai, kepercayaan atau sentimen yang disalurkan dalam diri mereka diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku (Parsons & Shils, 1951; Almond dan Verba, 1989; Welch, 2013). Dengan ini, orientasi dalam setiap diri individu amat penting dalam menentukan sesuatu pola tingkah laku. Walaupun, kajian Posiah Mohd Isa, 1987, Wan Ariffin (2005), Ku Hasnita (2007), dan Haminah (2007) telah meneliti aspek faktor yang mempengaruhi tingkah laku politik ini, namun mereka hanya mengkaji pengaruh agen sosialisasi dalam menyalurkan nilai bagi menentukan tingkah laku individu. Manakala aspek dimensi orientasi yang turut menentukan sama ada nilai tersebut diterjemahkan kepada tingkah laku atau terhenti pada peringkat orientasi tidak diteliti dan dikaji oleh mereka. Oleh sebab itu, kajian ini meneliti aspek kefahaman, persepsi dan kesedaran sebagai dimensi orientasi terhadap nilai patriotisme yang terdapat dalam masyarakat di Sabah kerana faktor orientasi turut penting sebagai penentu kepada pola tingkah laku.

Dalam aspek yang lain, Huntington (2008) menjelaskan patriotisme sesebuah masyarakat yang terpisah dari aspek wilayah dan latar belakang etnik, agama dan tahap pendidikan mungkin berbeza kerana berbeza dari sudut sejarah kehidupan dan proses perkembangan setiap individu. Tambahan pula, Noor Sulastry (2016) turut menegaskan bahawa perbezaan etnik membawa kepada perbezaan nilai dan kepercayaan dalam diri seseorang. Aspek kepelbagaian etnik ini perlu diambil kira kerana tahap ketaatan dan kesetiaan mungkin sukar diukur dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang etnik kerana masalah neratif sejarah dan ketiadaan bangsa Malaysia (Kartini Aboo Talib, 2016). Di samping itu, Mohamed Mustafa, (2014) dan Ismail Yusoff (2004) menegaskan aspek agama berperanan dalam membentuk identiti masyarakat Sabah. Selain itu, Lee Yok Fee (2012), dalam kajiannya mendapati faktor agama mempengaruhi orientasi nilai dan pembentukan identiti seseorang individu. Sementara itu, Suraya Sintang (2013) turut mendapati faktor agama seperti agama Islam dan Kristian mempengaruhi corak kehidupan atau tingkah laku masyarakat di Sabah. Malah, Zaheruddin Othman dan Zawiyah (2016) menegaskan faktor sikap prasangka dan sentimen perkauman turut menjadi penghalang kepada penerapan nilai patriotisme. Malah kajian Tuan Pah Rokiah et al. (2016) dan dapatan Kaji Data Research (2017), mendapati terdapat perbezaan patriotisme dalam kalangan responden yang berbeza agama. Oleh itu, negeri Sabah merupakan antara sebuah negeri yang terpisah daripada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan terdiri daripada masyarakat pelbagai etnik (Dayu Sansalu, 2008) mungkin berbeza dari sudut perkongsian nilai patriotisme. Tambahan pula, kajian Mahat (2015), mendapati persepsi, kefahaman dan manifestasi



© COPYRIGHT UPM

patriotisme berbeza dalam kalangan etnik di Sabah. Dengan ini, sejauh manakah faktor latar belakang etnik dan agama turut mempengaruhi nilai patriotisme masyarakat di Sabah?

Di samping itu, beberapa kajian budaya politik yang lain turut meneliti faktor yang mempengaruhi budaya politik seseorang individu atau kumpulan. Wan Ariffin (2005) yang telah meneliti tentang hubungan antara sosialisasi dengan budaya politik dan telah mendapati bahawa wujud perkaitan antara agen sosialisasi dangan tingkah laku politik seseorang individu selepas mereka disosialisasikan melalui dimensi orientasi. Malah tahap sosialisasi responden dalam kajiannya adalah baik namun terdapat segelintir yang bertingkah laku tidak seperti mana proses sosialisasi yang dilalui oleh mereka. Sebab dan punca keadaan ini berlaku tidak dapat ditentukan kerana Posiah Mohd Isa (1987), telah menjelaskan proses akhir yang menentukan sama ada seseorang individu menerima atau menolak sesuatu nilai yang disalurkan adalah pada dimensi orientasi politik. Terdapat juga kajian orientasi politik di luar Malaysia seperti kajian Kosterman dan Feshbach (1989) dan Myers dan Martz (1997). Berdasarkan kajian Kosterman dan Feshbach (1989) ini telah membuktikan bahawa sesuatu tingkah laku yang dipengaruhi oleh agen sosialisasi politik akan ditentukan oleh dimensi orientasi politik seseorang individu sebagai proses akhir. Namun, kajian orientasi politik seperti ini terhad di Malaysia dan sejauh mana pengaruh dimensi orientasi ini terhadap tingkah laku individu tidak dapat dijelaskan dalam masyarakat Malaysia terutamanya di Sabah. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan pengaruh orientasi politik terhadap individu berdasarkan aspek nilai patriotisme.

## 1.3. Persoalan Kajian

1. Apakah kefahaman masyarakat Sabah terhadap patriotisme?
2. Apakah persepsi masyarakat Sabah terhadap patriotisme?
3. Apakah kesedaran masyarakat Sabah terhadap patriotisme?
4. Apakah pengamalan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat Sabah?
5. Adakah terdapat perbezaan antara nilai patriotisme mengikut etnik, agama, dan tahap pendidikan kalangan masyarakat Sabah?
6. Adakah terdapat perkaitan antara kefahaman, persepsi dan kesedaran patriotisme terhadap pengamalan nilai patriotisme kalangan responden?
7. Adakah terdapat pengaruh antara kefahaman, persepsi dan kesedaran patriotisme terhadap pengamalan nilai patriotisme kalangan responden?



© COPYRIGHT UPM

## 1.4. Objektif Kajian

Objektif umum kajian adalah untuk mengenal pasti patriotisme kalangan masyarakat di Sabah. Manakala objektif khusus kajian pula adalah seperti:

1. Mengenal pasti kefahaman masyarakat Sabah terhadap nilai patriotisme.
2. Mengenal pasti persepsi masyarakat Sabah terhadap nilai patriotisme.
3. Mengenal pasti kesedaran masyarakat Sabah terhadap nilai patriotisme.
4. Mengenal pasti pengamalan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat Sabah.
5. Menentukan perbezaan antara pengamalan nilai patriotisme mengikut latar belakang etnik, agama dan tahap pendidikan masyarakat Sabah.
6. Menentukan perkaitan antara kefahaman, persepsi dan kesedaran nilai patriotisme terhadap pengamalan nilai patriotisme dalam kalangan responden.
7. Menentukan jangkaan pengaruh antara kefahaman, persepsi dan kesedaran nilai patriotisme terhadap pengamalan nilai patriotisme kalangan responden.

## 1.5. Kepentingan Kajian

Patriotisme yang menjadi pengikat kepada kesetiaan warganegara perlu ada dalam diri setiap individu. Tanpa patriotisme dalam diri, seseorang individu tidak merasai perasaan yang mengikat dirinya kepada negara tersebut. Namun, Malaysia yang berusaha untuk mencapai Wawasan 2020 menjelang tahun 2020, masih terpalit dengan pembinaan bangsa Malaysia. Isu pembentukan Bangsa Malaysia tidak dapat dipisahkan dengan persoalan pemupukan patriotisme yang mantap dalam kalangan pelbagai kelompok etnik yang wujud di Malaysia (Mohd Taib, 2004). Walaupun lanskap sosio-ekonomi negara telah jauh berubah sejak merdeka, namun hakikatnya kesan kerencaman dan kemajmukan masyarakat Malaysia menjadikan isu dan persoalan pembentukan bangsa Malaysia dan gagasan patriotisme nasional menjadi dua perkara penting dalam agenda nasional negara yang masih 'terbengkalai' (Mohamed Mustafa, 2005a).

Walau bagaimanapun, isu "Sabah keluar Malaysia" yang sering dibangkitkan oleh segelintir pihak di Sabah, setiap kali tidak berpuas hati dengan kerajaan pusat berkaitan isu federalisme, tadbir urus, dan perhatian terhadap Perkara 20 telah membangkitkan soal kesetiaan sebenar masyarakat di Sabah atau isu tersebut hanya merupakan isu yang telah dipolitikkan. Jika dibiarkan, agenda negara mungkin sedikit terganggu dan secara tidak langsung merencatkan agenda Wawasan 2020. Oleh yang demikian, kajian mengenai patriotisme perlu dilakukan lebih terperinci terutamanya untuk menjawab persoalan patriotisme di Sabah. Kajian ini wajar dilakukan seperti mana gesaan Saifuddin (2005) yang menegaskan patriotisme sentiasa releven dan penting bagi Malaysia.



© COPYRIGHT UPM

Kajian ini telah meneliti patriotisme di Sabah dalam konteks patriotisme bercirikan warganegara yang berpegang kepada prinsip kenegaraan. Malah patriotisme ini tidak hanya bersifat kenegerian tetapi meletakkan keutamaan kepada negara secara amnya. Kajian patriotisme yang menekankan prinsip kenegaraan sebagai garis sempadan tingkah laku amat berkurang dan terhad. Oleh itu, kajian patriotisme yang mengambil kira soal persoalan patriotisme di Sabah seperti kajian ini dapat membantu pihak berkepentingan untuk melakukan tindakan yang sewajarnya bagi menjamin keutuhan Persekutuan Malaysia.

Selain itu, kajian seumpama ini memberi sumbangan kepada penambahan ilmu pengetahuan dalam bidang yang dikaji. Hal ini kerana dapatan kajian ini menjadi nilai tambah kepada pengetahuan kepada pihak kerajaan dan swasta dalam membangunkan negara yang terdiri daripada masyarakat multi etnik. Di samping itu, hasil kajian ini turut akan menambahkan lagi khazanah ilmu dalam bidang yang berkaitan dan mencetuskan skop idea yang lebih luas kepada kajian-kajian baharu dalam bidang Sains Politik. Justeru, kajian ini dapat mengisi ruang kekosongan dalam bidang Sains Politik di Malaysia terutama kajian berkaitan patriotisme dan secara tidak langsung menjawab persoalan patriotisme masyarakat Sabah yang dikaitkan dengan beberapa tindakan yang dianggap tidak patriotik.

## 1.7. Skop Kajian

Kajian ini hanya berasaskan 6 nilai patriotisme dan diukur melalui orientasi dan tingkah laku sebagai manifestasi sahaja. Kajian ini juga hanya memberi fokus kepada beberapa etnik, iaitu etnik Kadazan Dusun, Bajau dan Murut di lokasi-lokasi terpilih di Sabah mengikut kaedah PPS sampling. Antara faktor pemilihan masyarakat Kadazan Dusun, Bajau, dan Murut adalah kerana etnik ini merupakan etnik bumiputra yang lebih besar populasinya berbanding etnik bumiputra lain di Sabah serta beberapa isu yang berbangkit terkait dengan etnik yang dikaji ini. Malah populasi ketiga-tiga etnik ini mewakili lebih 50% populasi bumiputera di Sabah. Selain itu, responden kajian ini hanya terhad kepada penganut agama Islam dan Kristian sahaja. Di samping itu, ciri lain yang diambil kira dalam pemilihan responden ini adalah peratusan jantina dan umur yang dikawal mengikut peratusan dalam populasi masyarakat di Sabah. Kajian ini berasaskan kepada pendekatan kajian kuantitatif dan kesahihan hasil kajian juga ditentukan oleh kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan melalui pengedaran borang kaji selidik untuk kajian ini.

## 1.8. Kerangka Teori

Kajian ini mengguna pakai Teori Orientasi Politik. Perbincangan teori ini pada awalnya dimulakan oleh Max Weber dan dikembangkan oleh Parsons dalam Teori Tindakan (Parsons & Shils, 1951). Seterusnya perbincangan orientasi politik sebagai corak kepada tindakan politik ini dikembangkan oleh Easton (1957) melalui idea sistem politik, Almond (1956) melalui perbincangan budaya politik, Pye (1965) dan Pye & Pye (1985) sebagai pengkaji budaya di negara-negara asia serta perbincangan orientasi politik terkini Welch (2013). Pengkaji memilih teori ini adalah kerana untuk



© COPYRIGHT UPM

menjelaskan perasaan dan tindakan seseorang individu atau kumpulan dalam sesebuah masyarakat terhadap negaranya sebagai bentuk manifestasi nilai patriotisme. Hal ini kerana orientasi politik merupakan arah aliran yang dikuti atau landasan bagi sesuatu pergerakan seseorang individu untuk bertingkah laku. Orientasi ini penting kerana seseorang individu yang disosialisasikan akan mengembangkan lagi dimensi orientasinya.

Perbincangan orientasi politik sukar untuk dipisahkan dengan perbincangan budaya politik kerana hubungan antaranya saling berkait dan mempengaruhi. Oleh itu, perbincangan ini dimulakan dengan perbincangan budaya politik terlebih dahulu. Konsep budaya politik yang diperjelaskan oleh Almond & Verba (1989), adalah merujuk kepada orientasi politik, iaitu sikap terhadap sistem politik dan sikap terhadap peranan diri dalam sesebuah sistem politik. Selain itu, Verba (1965), kemudiannya telah menjelaskan lagi bahawa orientasi ini merujuk kepada sistem kepercayaan seseorang individu atau kumpulan terhadap corak interaksi politik dan institusi politik. Manakala Almond dan Powell (1966), menjelaskan bahawa budaya politik ialah suatu konsep yang terdiri daripada sikap, keyakinan, nilai dan kemampuan yang terdapat dalam setiap anggota masyarakat termasuklah kecenderungan serta pola tingkah laku yang menjadi kebiasaan dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, dengan orientasi yang telah dilalui ini akan membantu mereka untuk menilai dan menyumbang peranan mereka terhadap negara.

Dalam pembentukan dan penerimaan unsur budaya politik ini, Almond dan Verba (1989), menjelaskan pola tingkah laku yang diterjemahkan oleh seseorang individu adalah melalui dimensi orientasi. Dimensi orientasi tersebut terbahagi kepada tiga, iaitu kognitif, afektif dan penilaian (*evaluation*). Kognitif ini merujuk kepada tahap pengetahuan, kefahaman, kepercayaan dan keyakinan seseorang individu atau kumpulan terhadap negaranya atau sistem politik di negaranya. Dimensi kognitif ini dilihat pada sikap mereka kepada tokoh-tokoh pemerintah dan simbol-simbol negara seperti lagu kebangsaan dan bendera negara. Selain itu, dimensi afektif pula merujuk kepada perasaan atau pertimbangan seseorang warganegara berdasarkan perasaan terhadap sistem politik dan nilai yang menyebabkan peranan seseorang atau kumpulan menerima atau menolak sesuatu sistem politik tersebut. Penggunaan persepsi bagi menggambarkan perasaan adalah kerana unsur mental yang positif dapat menggambarkan perasaan menerima manakala unsur mental yang negatif dapat menggambarkan perasaan penolakkan (Bunch, 1971). Seterusnya, dimensi orientasi penilaian (*evaluation*) merujuk kepada kesedaran seseorang hasil gabungan pertimbangan nilai, maklumat yang diketahui dan perasaan. Hal ini kerana dimensi orientasi penilaian (*evaluation*) ini adalah hasil daripada tindak balas kognitif dan afektif yang akan membentuk suatu tingkah laku.

Almond dan Verba (1989) mengklasifikasikan orientasi politik bermula dalam sistem politik secara umum. Secara keseluruhannya, ia melibatkan ikatan perasaan seperti patriotisme ataupun pengasingan melalui kognitif dan penilaian (*evaluation*) terhadap negara sama ada besar atau kecil, kuat atau lemah. Oleh itu, orientasi politik ini melibatkan hubungan, penilaian dan pendapat seseorang terhadap objek politik. Dengan ini, masyarakat akan mengidentifikasikan diri mereka terhadap objek politik berdasarkan orientasi yang dimiliki oleh mereka. Apabila adanya orientasi dalam diri



© COPYRIGHT UPM

mereka, maka masyarakat juga akan mempersoalkan peranan, tanggungjawab dan faedah yang mereka dapat dalam sistem politik. Hal ini telah memperlihatkan bahawa budaya politik menjelaskan dimensi orientasi seseorang individu dalam masyarakat terhadap sistem politik. Objek politik yang dimaksudkan dalam perbincangan Almond dan Verba merujuk kepada hal yang dijadikan sasaran dari orientasi warganegara seperti objek politik umum atau sistem sebagai objek, objek politik input, objek politik output dan diri sebagai objek.

Orientasi politik yang dipopularkan oleh Almond ini berbeza dengan idea orientasi tindakan ini telah dicetuskan oleh Easton (1957) melalui idea sistem politik. Hal ini kerana idea Easton ini bersifat makro dan tidak sesuai untuk menjelaskan fenomena yang bersifat mikro berbanding dengan Almond yang turut meneliti orientasi setiap individu dalam masyarakat terhadap objek politik. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji membangunkan pemboleh ubah yang digunakan dalam orientasi adalah berdasarkan Almond (1956) yang lebih sesuai diguna pakai dalam konteks mikro.

**Orientasi Politik**




Diubah suai dari dari model orientasi (Bunch, 1971) dengan merujuk (Almond, 1956; Almond dan Powell, 1966; Almond & Verba, 1989; Pye, 1965; Parsons & Shils, 1951; Verba, 1965; Welch, 2013)

**Rajah 1.1: Teori Orientasi Politik**

Berdasarkan rajah 1.1, model orientasi politik yang digunakan oleh Bunch (1971), hasil dari penelitian dan kajian beliau yang turut mengembangkan idea pengkaji budaya politik sebelum ini telah diubah suai oleh pengkaji dalam menjelaskan proses orientasi seseorang individu terhadap nilai patriotisme. Konsep patriotisme yang perlu diterjemahkan dengan perasaan dan tingkah laku sebagai indikator seorang patriot ini akan dapat dihurai dengan dimensi orientasi seseorang individu bertingkah laku terhadap negara atau dalam masyarakat. Dimensi orientasi kognitif dan afektif yang dikaji melalui kefahaman dan persepsi terhadap nilai patriotisme akan digunakan untuk menggambarkan perasaan seseorang individu atau kumpulan. Hal ini kerana Almond dan Verba (1989) menjelaskan penilaian kognitif boleh dilihat dari sudut kefahaman seseorang individu. Manakala penilaian dari sudut afektif turut dilihat dari aspek



© COPYRIGHT UPM

